

**Kerajaan BN Sentiasa Tegak Syiar Islam - Muhyiddin
Bernama
22 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa mempertahankan dan mengembangkan syiar Islam yang menjadi teras kepada perpaduan ummah di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata Umno, sebagai parti Melayu dan Islam terbesar dalam negara ini, menjadikan matlamat untuk menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai prinsip perjuangan parti.

"Alhamdulillah dengan sikap pemimpin-pemimpin kita yang sangat istiqamah dalam mempertahankan kesucian Islam walaupun diasak pelbagai dugaan, namun kedudukan Islam terus terpelihara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis perjumpaan bersama pegawai-pegawai masjid dan surau, ahli jawatankuasa kariah, pendidik dan pendakwah Wilayah Persekutuan di Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju di sini Isnin.

Justeru, Muhyiddin menggesa pemain institusi agama seperti pendakwah, guru agama dan pendidik dari Sekolah Agama Rakyat untuk bersama-sama kerajaan dalam menangkis sebarang fahaman songsang selain mendaulatkan agama Islam sebagai agama persekutuan negara ini. Beliau berkata kesemua pemain itu mempunyai tugas yang sama penting dengan kerajaan untuk menangani kecelaruan akidah dan perkara yang boleh meruntuhkan akhlak seperti agenda lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang cuba merosakkan dan memecahbelahkan umat Islam.

"Untuk tegakkan syiar Islam, kerajaan telah membangunkan institusi seperti masjid, surau, lantik imam, ambil guru agama dan bagi latihan yang secukupnya kepada pendakwah.

"Institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Majlis Agama Islam juga membantu pendidik dan pendakwah selain kerajaan turut membiayai kegiatan berasaskan agama Islam dan menyediakan segala bentuk sokongan yang diperlukan," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata selain pendakwah, institusi lain seperti Sekolah Agama Rakyat Swasta juga berperanan meningkat dan menegakkan syiar Islam berpandukan teras dan kokurikulum yang ditetapkan kementerian.

"Selepas berbincang dengan Perdana Menteri, kita telah pun mengambil kira tentang pentingnya peranan institusi pendidikan agama yang bukan sahaja dibina kerajaan, tetapi diusahakan pimpinan masyarakat Islam seluruh negara.

"Sekolah Agama Rakyat, sebagai contoh, yang dibangunkan sekian lama telah diiktiraf sebagai sekolah yang banyak memberi sumbangan kepada masyarakat untuk mendidik dan mengenali Pendidikan Islam dengan lebih mendalam.

"Jadi, kita boleh anggap sekolah ini sekolah agama rakyat swasta di seluruh negara tetapi boleh mendapat bantuan dari kerajaan," katanya.

Muhyiddin berkata kerajaan mampu melakukan pelbagai program berteraskan Islam kerana

ia mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan yang mana pencapaian ini tidak mampu dilakukan di negara lain.

Timbalan Perdana Menteri berkata kedudukan Islam adalah terjamin dalam Perlembagaan Malaysia.

Beliau berkata Malaysia dihormati oleh negara Islam lain kerana sentiasa menegakkan syiar Islam selain sering dijadikan contoh berhubung kaedah menguruskan pelbagai kaum dan agama.

Pada majlis itu, Muhyiddin menyampaikan sumbangan JAWI sebanyak RM377,500 kepada 755 penerima terdiri daripada Imam Terbaik, Bilal Terbaik, Noja Terbaik, Masjid Terbaik, Surau Jumaat Terbaik dan Surau Terbaik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944194>